


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-17	Al-Isra'	111	12	Makkiyyah	Ke-50	10



Zaman Diturunkan

Nama kedua bagi Surah Bani Israil ialah Surah al-Israa', maksud Israa' ialah perjalanan di waktu malam yang telah berlaku bermula dari Ka'bah hingga ke Baitul Maqdis, kemudian pulang dari sana ke Ka'bah kembali. Surah ini besar kemungkinan diturunkan ketika berlaku Israa' dan Mi'raj kepada Rasulullah s.a.w. pada tahun ke-12 Kenabian, setahun sebelum berlakunya hijrah ke Madinah. Ketika itu pemimpin-pemimpin Quraisy telahpun membuat pakatan jahat untuk menghalau Rasulullah s.a.w. dan pengikut-pengikutnya dari Mekah atau membunuh mereka. Dalam perjalanan pada waktu malam untuk Mi'raj (naik ke langit) itu, Jibril a.s. telah menunjukkan juga kepada Rasulullah Madinah al-Munawwarah yang mana isyarat kepada hijrah ke sana terdapat di dalam ayat ke-80 surah ini. Mengikut pendapat yang sahih, peristiwa Mi'raj telah berlaku pada bulan Rejab tahun ke-12 Kenabian.

Kelebihan Surah Bani Israil

'Aisyah berkata: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يَنَامُ عَلَى فِرَاشِهِ حَتَّى يَقْرَأَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَالزُّمَرَ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. tidak tidur di atas tilamnya sebelum membaca Surah Bani Israil dan Surah az-Zumar. Hadits riwayat Sunan Tirmizi: Kitab Fadha'il al-Qur'an, hadits nombor 2920, Imam Tirmizi menghukumkan hadits ini hasan gharib.

Perkaitan Surah Bani Israil Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah an-Nahl sudahpun diramalkan akan berlaku hijrah ke Madinah dan disebut juga kelebihanannya (Ayat: 41 dan 110). Di dalam Surah Bani Israil pula siap diajarkan doa untuk berhijrah dengan jelas. (Ayat: 80-81).
2. Di dalam Surah Bani Israil ini diberikan berita gembira akan tertegaknya sebuah negara Islam setelah berhijrah ke Madinah, prinsip-prinsip asas negara Islam juga dikemukakan. Sepuluh perintah yang diberikan untuk Bani Israil di dalam Taurat juga diberikan untuk umat terakhir sebagai persiapan mereka membina sebuah masyarakat Islam dan juga sebuah negara Islam.
3. Di dalam Surah al-Kahfi dinyatakan bahawa salah satu tujuan al-Qur'an diturunkan ialah untuk mengingatkan Ahli Kitab tentang kesalahan mereka yang mengatakan Allah mempunyai anak (al-Kahfi ayat: 4). Di dalam Surah Bani Israil dibentangkan ringkasan sejarah jatuh bangun Bani Israil.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Di dalam Surah Bani Israil selain dinyatakan keistimewaan dan keutamaan al-Qur'an.

Dinyatakan juga sikap orang-orang musyrikin terhadapnya.

(a) Qur'an menunjukkan jalan yang lurus (Ayat: 9).

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّذِينَ هُمْ أَقْوَمُ

(b) Untuk mengingatkan dan menasihati manusia, al-Qur'an menggunakan kaedah تصريف, walaupun begitu orang-orang kafir semakin liar daripada al-Qur'an (Ayat: 41).

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا فِي هَذَا الْقُرْآنِ لِيَذَّكَّرُوا وَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا نُفُورًا ﴿٤١﴾

(c) Menggunakan kaedah تصريف, al-Qur'an telah mengemukakan banyak sekali hakikat dengan penuh kebijaksanaan untuk menyempurnakan hujjah terhadap manusia. Maksud تصريف ialah menggunakan pelbagai gaya bahasa dan ragam bahasa dalam mengemukakan sesuatu perkara, walaupun begitu kebanyakan manusia tetap dengan pendirian mereka menolaknya (Ayat: 89).

وَلَقَدْ صَرَّفْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ فَأَبَى أَكْثَرُ النَّاسِ إِلَّا كُفُورًا ﴿٨٩﴾

(d) Al-Qur'an ibarat serampang dua mata, sebagaimana ia menjadi penawar dan rahmat kepada orang-orang mu'min, ia juga menjadi sebab kepada orang-orang zalim bertambah rugi (Ayat: 82).

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

(e) Qur'an dapat menjadi pembimbing kepada orang-orang yang percaya akan adanya hari akhirat, kepada orang-orang yang mengingkari hari akhirat ia menjadi dinding yang menghalang mereka daripada mendapat petunjuk (Ayat: 45)

وَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ جَعَلْنَا بَيْنَكَ وَبَيْنَ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ حِجَابًا مَّشُورًا ﴿٤٥﴾

(f) Para malaikat hadir untuk menyaksikan bacaan al-Qur'an dalam sembahyang subuh (Ayat: 78).

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِكَ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿٧٨﴾

(g) al-Qur'an diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. secara beransur-ansur dari Lauh Mahfuzh selama 23 tahun, ia diturunkan dengan penuh penghormatan dan penjagaan yang rapi. Penurunan secara beransur-ansur itu dapat dimanfaatkan oleh para sahabat yang menerima al-Qur'an dengan sebaik-baiknya (Ayat: 106).

وَقُرْآنًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾

(h) Apabila al-Qur'an menyebutkan tuhan yang Esa, orang-orang musyrikin terus berpaling belakang melarikan diri (Ayat: 46).

وَجَعَلْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ أَكِنَّةً أَنْ يَفْقَهُوهُ وَفِي آذَانِهِمْ وَقْرًا وَإِذَا ذُكِّرْتُمْ بَلَغَتْ فِي الْقُرْآنِ حِدَّهُمْ فَلَوْ أَلْبِسْتُمْ بِطُورٍ غَيْرِ اللَّهِ شَتْرًا مُّشْرِكًا وَتَوَلَّوْا عَلَىٰ أَدْبَارِهِمْ نُفُورًا ﴿٤٦﴾

(i) Orang-orang musyrikin Mekah memperolok-olokkan peristiwa Mi'raj yang dialami Rasulullah s.a.w.,

mereka juga mentertawakan kenyataan al-Qur'an bahawa di dalam neraka juga ada pokok (زقوم). Allah telah mengancam orang-orang kafir Quraisy bahawa mereka akan hilang kelayakan menjaga Ka'bah dan mereka juga akan dimasukkan ke dalam neraka kerana sikap buruk mereka itu, tetapi kedegilan dan sikap keras kepala mereka terus juga menjadi-jadi (Ayat: 60).

وَمَا جَعَلْنَا الرُّؤْيَا الَّتِي أَرَيْنَاكَ إِلَّا فِتْنَةً لِلنَّاسِ وَالشَّجَرَةَ الْمَلْعُونَةَ فِي الْقُرْآنِ وَنُخَوِّفُهُمْ فَمَا يَزِيدُهُمْ إِلَّا طُغْيَانًا كَبِيرًا ﴿٦٠﴾

(j) Al-Qur'an mencabar jika sekalian manusia dan sekalian jin saling bekerjasama untuk menulis kalam seperti al-Qur'an ini nescaya mereka tidak akan mampu melakukannya kerana kalam خالق sama sekali tidak akan sama dengan kalam makhluk (Ayat: 88).

قُلْ لِّئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْآنِ لَا يَأْتُوا بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ ظَهِيرًا ﴿٨٨﴾

2. Satu lafaz khusus telah digunakan sebanyak tiga kali di dalam Surah Bani Israil iaitu lafaz إِسْتَفْزَاز.

Perkataan إِسْتَفْزَاز ini hanya terdapat di dalam surah ini sahaja, ia pada asalnya bererti mencabut sesuatu dengan akar umbinya sekali.

(a) Allah telah mencabar Iblis untuk mencuba nasibnya menyeru manusia supaya tidak taat kepada Allah. Dengan menggunakan segala daya upayanya termasuk menggunakan pasukan berkuda dan pejalan kakinya, ia juga dicabar supaya berkongsi dengan manusia dalam harta benda dan anak pinak. Mereka juga dicabar supaya berusaha memerangkap manusia dengan tipu daya dan janji-janji palsu (tetapi Allah telahpun mengatakan Iblis tidak akan mampu memperdaya hamba-hambanya yang sejati) (Ayat: 64).

وَأَسْتَفْزِرُ مِنْهُمْ بِصَوْتِكَ وَأَجْلِبُ عَلَيْهِمْ بِخَيْلِكَ وَرَجِلِكَ وَشَارِكُهُمْ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ وَعَدَهُمْ وَمَا يَعِدُهُمُ الشَّيْطَانُ إِلَّا غُرُورًا ﴿٦٤﴾

(b) Fir'aun adalah seorang diktator dan pemerintah yang zalim, dia mahu membantun Bani Israil dari bumi Mesir, apa yang terjadi akhirnya ialah dia dengan bala tenteranyalah yang tenggelam dalam laut (Ayat: 103).

فَأَرَادَ أَنْ يَنْفِرَهُمْ مِنَ الْأَرْضِ فَأَغْرَقْنَاهُ وَمَنْ مَعَهُ جَمِيعًا ﴿١٠٣﴾

(c) Orang-orang kafir Quraisy juga telah bertindak seperti Fir'aun untuk membantun Rasulullah dan pengikut-pengikutnya dari bumi Mekah, lalu mereka diperingatkan bahawa jika itulah maksud mereka, maka mereka juga tidak akan dapat bertahan lama (Ayat: 76).

وَأَنْ كَادُوا لَيَسْتَفْرِزُّوكَ مِنَ الْأَرْضِ لِيُخْرِجُوكَ مِنْهَا وَإِذَا لَا يَلْبَثُونَ خَلْقَكَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٧٦﴾

3. Kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Bani Israil dan seruan Islam untuk

mereka.

(a) Untuk memimpin Bani Israil, Allah telah menurunkan kitab Taurat kepada Nabi Musa, antara kandungan Taurat ialah mereka dilarang daripada mengambil selain Allah sebagai pelindung (Ayat: 2).

وَأَتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَجَعَلْنَاهُ هُدًى لِّبَنِي إِسْرَءِيلَ أَلَّا تَتَّخِذُوا مِن دُونِي وَكِيلًا ﴿٢﴾

(b) Dikatakan kepada Bani Israil bahawa mereka akan melakukan kerosakan di bumi dan menampakkan kebesaran serta kesombongan mereka sebanyak dua kali (Ayat: 4).

وَقَضَيْنَا إِلَىٰ بَنِي إِسْرَءِيلَ فِي الْكِتَابِ لُتْفُسِدُوا فِي الْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلِتَعْلَنَ عُلوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

(c) Bani Israil benar-benar tahu bahawa Fir'aun telah menuduh Musa sebagai orang yang terkena sihir, padahal Musa telah mengemukakan sembilan mu'jizat kepadanya (Ayat: 101).

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَىٰ تِسْعَ ءَايَاتٍ بَيِّنَاتٍ فَمَسَّ لَّ بَنِي إِسْرَءِيلَ إِذْ جَاءَهُمْ فَقَالَ لَهُ فِرْعَوْنُ إِنِّي لَأَظُنُّكَ يَمُوسَىٰ مَسْحُورًا ﴿١٠١﴾

Tuduhan yang sama kemudiannya dilemparkan oleh orang-orang kafir Quraisy kepada Rasulullah, mereka juga mengatakan Rasulullah seorang yang terkena sihir (Ayat: 47).

نَحْنُ أَعْلَمُ بِمَا يَسْتَمِعُونَ بِهِ إِذْ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْكَ وَإِذْ هُمْ نَجْوَىٰ إِذْ يَقُولُ الظَّالِمُونَ إِن تَتَّبِعُونَ إِلَّا رَجُلًا مَّسْحُورًا ﴿٤٧﴾

(d) Dikatakan juga kepada Bani Israil apabila tiba masa janji hari akhirat, Allah akan mengumpulkan semua mereka (Ayat: 104).

وَقُلْنَا مِن بَعْدِهِ لِبَنِي إِسْرَءِيلَ أَسْكُنُوا الْأَرْضَ فَإِذَا جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ جِئْنَا بِكُمْ لَفِيفًا ﴿١٠٤﴾

4. Di dalam Surah Bani Israil dinyatakan kehairanan orang-orang musyrikin tentang kemungkinan adanya hari akhirat dan adanya hari pembalasan.

(a) Orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat menyatakan kehairanan bahawa adakah setelah kita menjadi tulang-tulang yang reput dan sudah hancur kita akan dikembalikan pula? (Ayat: 49).

وَقَالُوا أَوَإِذَا كُنَّا عِظَامًا وَرُفَاتًا أَوَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٤٩﴾

(b) Orang-orang yang tidak percaya kepada hari akhirat akan dimasukkan ke dalam neraka dalam keadaan menyongsang (Ayat: 98).

ذَٰلِكَ جَزَاؤُهُمْ بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِءَايَاتِنَا وَقَالُوا أَوَإِذَا كُنَّا عِظَامًا وَرُفَاتًا أَوَإِنَّا لَمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٩٨﴾

5. Di dalam Surah Bani Israil juga digunakan perkataan وكيل sebagai sifat tuhan.

Beberapa kali perkataan wakil digunakan sebagai sifat tuhan di dalam surah ini, ia bererti pelindung, pembela dan yang dipercayai penuh dan diserahkan segala urusan kepadanya. Allah s.w.t. jua yang

mempunyai qudrat (kuasa) dan iradat (kehendak) yang sempurna. Kuasa dan kehendak seperti itu tidak ada pada mana-mana makhluk, kerana itu Dia sahaja yang sepatutnya dipercayai, rahmat dan azab berada di tangannya, Dialah yang dapat menyelamatkan manusia ketika bencana yang tidak terduga menimpa.

(a) Allah s.w.t. telah mengatakan dengan jelas kepada Iblis bahawa kamu tidak akan dapat mempengaruhi hamba-hambaku yang istimewa, kuasa Allah meliputi segala sesuatu, Dialah yang layak dijadikan sebagai وکیل, perlindungan dan penjagaanNya sahaja sudah mencukupi (Ayat: 65).

وَكُفَىٰ بِرَبِّكَ وَكِيلًا ﴿٦٥﴾

(b) Di dalam Taurat telahpun dinyatakan kepada Bani Israil bahawa mereka tidak harus menjadikan orang lain selain Allah sebagai وکیل (pelindung dan pembela yang berkuasa penuh) (Ayat: 2).

أَلَّا تَتَّخِذُوا مِن دُونِي وَكِيلًا ﴿٢﴾

(c) Allah s.w.t. mengancam manusia bahawa dalam keadaan mereka ditimpa azab yang tidak diduga, mereka tidak akan menemui satu pun وکیل selainNya. (Ayat: 68).

ثُمَّ لَا تَجِدُوا لَكُمْ وَكِيلًا ﴿٦٨﴾

(d) Dikatakan kepada Rasulullah s.a.w. beliau bukan wakil untuk orang-orang musyrikin Mekah, beliau tidak mempunyai kuasa untuk menyeksa dan memberi pahala kepada sesiapa pun, Allah jua yang berkuasa mengasihani atau menyeksa manusia (Ayat: 54).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴿٥٤﴾

(e) Dikatakan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa jika Allah menghendaki, nescaya Dia boleh merampas kembali apa yang telah diturunkan kepadamu, dalam keadaan itu Rasulullah tidak akan dapat mencari sesiapa pun sebagai wakil dan pembelanya untuk menghadapi Allah (Ayat: 86).

ثُمَّ لَا تَجِدُ لَكَ بِهِ عَلَيْنَا وَكِيلًا ﴿٨٦﴾